

Individu Bujang Perlu Ada RM2,570 Untuk Hidup Di Lembah Klang

PETALING JAYA: Individu bujang yang mempunyai sebuah kenderaan memerlukan sekurang-kurangnya RM2,570 sebulan pada tahun 2021 bagi menampung perbelanjaan kehidupan mereka, menurut Laporan Belanjawanku.

Kajian tersebut dilakukan oleh Pusat Kajian Kesejahteraan Sosial Universiti Malaya dengan kerjasama Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bagi mengharungi kehidupan yang bermaruah di Malaysia.

Pihak penyelidik mengambil kira beberapa item perbelanjaan isi rumah seperti makanan, perumahan, utiliti, pengangkutan, kesihatan, tabungan dan lain-lain.

Pihak penyelidik menjalankan perbincangan berkumpulan secara tertumpu selain melakukan bancian harga barangan di pasar raya ataupun pasar basah. Borang soal selidik juga diedarkan bagi mengetahui corak perbelanjaan orang ramai.

Bagi pasangan suami isteri tanpa anak-anak, laporan ini menjangkakan kos yang diperlukan untuk hidup bermaruah di Lembah Klang adalah sekitar RM4,590 sebulan.

Manakala bagi pasangan suami isteri dengan seorang anak, isi rumah dijangka memerlukan sekitar RM5,510 sebulan untuk hidup dalam keadaan yang bermaruah.

Jika diteliti laporan **Jabatan Perangkaan Malaysia**, di Lembah Klang (Selangor + Kuala Lumpur) misalnya, gaji penengah dianggarkan hanya sekitar RM2,881 sebulan pada tahun 2020 iaitu 12 peratus lebih tinggi berbanding kos perbelanjaan yang digariskan oleh Laporan Belanjawanku.

Jika kiraan kasar dibuat, boleh dikatakan sekitar 40 peratus pekerja yang makan gaji di sekitar Lembah Klang tidak mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk hidup dalam keadaan yang sewajarnya.

<https://sumberkini.my/individu-bujang-perlu-ada-rm2570-untuk-hidup-di-lembah-klang/>